# Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan:

# Menziarahi Kubur pada Hari Raya

Web Rasmi

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Tingkat 3, Bangunan SUK (Lama), Jalan Dato' Hamzah 70990 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-7652426 • Fax : 06-7652427 • emel : muftins@ns.gov.my

HALAMAN UTAMA | ARKIB | MENGENAI KAMI | PERKHIDMATAN | INFORMASI | APLIKASI ATAS TALIAN | BANTUAN | HUBUNGI KAMI

You are here: Halaman Utama ▸ Arkib ▸ Tareqat Tasauwuf ▸ Menziarahi Kubur Pada Hari Raya.

## Menziarahi Kubur Pada Hari Raya.



Hukum menziarahi kubur adalah **harus** dengan dengan **adab-adab** yang digariskan oleh Syariat. Manakala menziarahi kubur kaum kerabat terutama ibu bapa adalah **sunat Muakkad**. Makin bertambah pahalanya jika kubur ibu bapa diziarahi pada tiap-tiap hari **Jumaat** atau **hari Raya** dan dibaca surah Yasin di sisinya.

Sumber: http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/tareqat-tasauwuf/743-menziarahi-kubur-pada-hari-raya

**Fatwa Mufti Jordan 2010: Tiada Masalah/ Tidak Mengapa untuk Menziarahi Kubur pada Hari Raya**

| | |
|---|---|
| Mufti | Manta Mufti Umum (Jordan) – Dr. Nuh 'Ali Salman al-Qudah (1939M – 19 Disember 2010M) |
| Tajuk | Tiada Masalah/ Tidak Mengapa untuk Menziarahi Kubur pada Hari Raya |
| No. Fatwa | 612 |
| Tarikh | 20-04-2010 |
| Kategori | Jenazah |
| Jenis Fatwa | Penyelidikan |
| Rujukan | Web Rasmi – Da'irat al-Ifta' al-'Amm, al-Mamlakah al-Urduniyyah al-Hashimiyyah |
| Link | http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=612 |



Petikan dari fatwa beliau:

ما حكم زيارة القبور يوم العيد للرجال والنساء .....؟

"Apakah hukum menziarahi kubur pada hari Raya bagi lelaki dan perempuan?."

Jawapan:

زيارة القبور جائزة في العيد وغيره، للرجال والنساء، لقوله صلى الله عليه وسلم: (كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا) رواه مسلم، وزاد الترمذي: (فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الآخِرَةَ)، وهذا يشمل الرجال والنساء.........

"Ziarah kubur adalah harus pada hari Raya dan hari selainnya, bagi lelaki dan wanita, berdasarkan sabdaan Baginda ﷺ: "**Daku pernah menghalang kamu semua dari menziarahi kubur, maka pergilah menziarahinya (selepas ini)**" – Muslim telah meriwayatkan hadith ini dan al-Tirmidhi menambah: "**Maka sesungguhnya ia mengingatkan kamu kepada Akhirat,**" dan suruhan ini merangkumi para lelaki dan wanita."

Nilai Muamalat Centre

## Al-Fatawa al-Hindiyyah / Fatawa Alamgiri:

## Masa Terbaik bagi Ziarah Kubur (termasuk Hari Raya)

Para ulama' "al-Fatawa al-Hindiyyah" menyebut di dalam Bab Yang Ke 16 Berkenaan Ziarah Kubur dan Membaca al-Qur'an di Perkuburan (Jilid 5: ms 350):

وَأَفْضَلُ أَيَّامِ الزِّيَارَةِ أَرْبَعَةٌ يَوْمُ الِاثْنَيْنِ وَالْخَمِيسِ وَالْجُمُعَةِ وَالسَّبْتِ وَالزِّيَارَةُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ بَعْدَ الصَّلَاةِ حَسَنٌ وَيَوْمَ السَّبْتِ إلَى طُلُوعِ الشَّمْسِ وَيَوْمَ الْخَمِيسِ فِي أَوَّلِ النَّهَارِ وَقِيلَ فِي آخِرِ النَّهَارِ وَكَذَا فِي اللَّيَالِي الْمُتَبَرَّكَةِ لَا سِيَّمَا لَيْلَةَ بَرَاءَةَ وَكَذَلِكَ فِي الْأَزْمِنَةِ الْمُتَبَرَّكَةِ كَعَشْرِ ذِي الْحِجَّةِ وَالْعِيدَيْنِ وَعَاشُورَاءَ وَسَائِرِ الْمَوَاسِمِ كَذَا فِي الْغَرَائِبِ.

> "Dan sebaik-baik hari bagi ziarah (kubur para muslimin) ada empat: (i) Isnin, (ii) Khamis, (iii) Jumaat, (iv) Sabtu. Dan ziarah kubur pada hari Jumaat selepas solat (Jumaat) adalah baik, dan pada hari Sabtu sehingga terbitnya matahari, dan pada hari Khamis di awal hari dan dikatakan (pada pandangan yang lain): pada akhir hari (adalah baik), dan seperti itu juga pada malam-malam yang diberkati, lebih-lebih lagi pada malam Bara'ah (Nisfu Sha'ban) dan begitu juga pada waktu-waktu yang diberkati seperti pada sepuluh hari (pertama) Zulhijjah, dua Hari Raya (Aidilfitri & Aidiladha), 'Ashura' (10 Zulhijjah) dan semua musim-musim (ibadat/ masa yang diberkati), begitulah yang disebut di dalam (fatawa / majmu'at) al-Ghara'ib."

*Rujukan: al-Fatawa al-Hindiyyah adalah fatwa-fatwa yang disusun oleh para ulama' India yang diketuai oleh al-Shaykh Nizam al-Din al-Balkhi dengan perintah oleh Sultan Abu al-Muzaffar Muhammad Aurangzeb. Ia adalah fatwa yang berlandaskan Mazhab Hanafi.*

Nilai Muamalat Centre

# Menziarahi Kubur Pada Hari Raya.



IncreaseDecreaseDefault font size

Pada hari raya, di Malaysia, kerajaan mengisytiharkan cuti umum. Semua umat Islam di Malaysia ini mengambil peluang untuk balik ke kampung halaman masing-masing.

Suasana hari raya disambut meriah dengan adik-beradik, anak-anak, saudara-mara yang duduk jauh dapat berkumpul sekali. Justeru itu peluang berkumpul itu dimanfaatkan dengan menziarahi kubur untuk sama-sama bertahlil dan berdoa.

Kawasan perkuburan yang banyak diziarahi diberkati dengan doa, tahlil dan ucapan salam daripada pengunjung. Sehubungan dengan itu, ulamak Fiqh menyatakan sunat mengkebumikan jenazah orang Islam di tanah perkuburan yang banyak kubur dan ramai diziarahi orang bagi mendapat doa daripada mereka.

CPANEL

Ziarah kubur bertujuan mengingat mati supaya kita tidak leka dengan nikmat dunia. Firman Allah swt,

أَلْهَـٰكُمُ التَّكَاثُرُ. حَتَّى زُرْتُمُ المَقَابِرَ

Yang bermaksud, *Bermegah-megah telah melalaikan kamu. Sampai kamu masuk ke dalam kubur[1].*



Increase font size Decrease font size Default font size

Mengingati mati juga adalah satu cara membersihkan hati, hadith Nabi saw,

قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ القُلُوبَ تَصْدَأُ كَمَا يَصْدَأُ الحَدِيد. قِيْلَ : يَا رَسُولَ الله وَمَا جَلاَءُهَا؟ فَقَالَ : تِلاَوَة القُرآن وَذِكْر المَوْت.

أخرجه البيهقى

Yang bermaksud, *Sabda Rasulullah saw, sesungguhnya hati ini berkarat sepertimana besi yang berkarat. Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah bagaima* CPANEL *mengilatkannya? Baginda menjawab: Membaca al-Quran dan mengingati mati.*

Ulamak menyatakan ada tiga perkara untuk merawat hati:

1. Taat kepada Allah.
2. Memperbanyakkan mengingati mati.
3. Menziarahi kubur orang Islam.

Islam menggalakkan kita mengingati mati supaya kita sedar dan membuat persediaan untuk mati. Membuat persediaan untuk mati adalah sebahagian daripada Taqwa sebagaimana pentakrifan Taqwa oleh Saidina Ali Karamallahu Wajhah:

*Taqwa ialah takut kepada Allah, beramal dengan al-Quran, redha dengan yang sedikit dan membuat persediaan untuk hari kematian[2].*



IncreaseDecreaseDefault font size

**Hukum menziarahi kubur adalah harus dengan dengan adab-adab yang digariskan oleh Syariat. Manakala menziarahi kubur kaum kerabat terutama ibu bapa adalah sunat *Muakkad.* Makin bertambah pahalanya jika kubur ibu bapa diziarahi pada tiap-tiap hari Jumaat atau hari raya[3] dan dibaca surah Yasin di sisinya.** Hal ini

berdasarkan hadith,

CPANEL

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ زَارَ قَبْرَ أَبَوَيْهِ أَوْ إِحْدَاهُمَا فِي كُلِّ جُمْعَةٍ غُفِرَ لَهُ وَكُتِبَ بِرًّا.

(رواه الطبرانى في الأوسط)

Yang bermaksud, *Dari Abu Hurairah ra berkata: Sabda Nabi saw: Barang siapa menziarahi kubur kedua ibu bapanya atau salah seorang daripadanya, tiap-tiap hari Jumaat nescaya diampunkan baginya dan dicatit sebagai (anak) yang berbakti.*

Begitu juga hadith,

عَن ابْن عمر رَضِي الله عَنهُ قَالَ مَنْ زَارَ قَبْر أَبَوَيْهِ أَوْ أَحَدهُمَا احتِسَابًا كَانَ كَعدْلِ حجَّة مَبْرُورَة وَمَنْ كَانَ زوارًا لَهُمَا زَارَت الْمَلَائِكَة قَبْره

Yang bermaksud, *Daripada Ibn Umar ra berkata: Sesiapa menziarahi kubur kedua ibubapanya atau salah seorang daripadanya dengan penuh keikhlasan ianya menyamai pahala haji yang mabrur dan sesiapa menziarahi kedua-duanya maka malaikat akan menziarahi kuburnya pula[4].*

Kebiasaan pengunjung akan memberi salam dahulu kemudian berdoa semoga Allah memberikan rahmat dan maghfiratNya (keampunan) kepada simati. Daripada Ibnu Mas'ud, Rasulullah saw bersabda:

كُنْتُ نَهَيتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ القُبُورِ، فَزُورُوا القُبُور فَإِنَّهَا تُزَهِّدُ فِى الدُّنْيَا وَتُذَكِّرُ الآخِرَة

Yang bermaksud, *Aku melarang kamu menziarahi kubur maka ziarahlah kubur. Ini kerana dengan menziarahi kubur menjadikan kamu bersederhana dengan dunia dan mengingati akhirat.*

CPANEL

Bertahlil atau berdoa adalah untuk menolong simati. Sabda Rasulullah saw,

Yang bermaksud, *Tiadalah orang yang mati di dalam kuburnya melainkan seperti orang yang tenggelam meminta pertolongan menanti doa yang ada perhubungannya daripada bapanya, atau saudaranya atau kawan temannya. Dan apabila dia mendapati orang mendoakannya adalah terlebih kasih baginya daripada dunia dan segala isinya.*

Riwayat al-Dailimi

Hadith tentang menghadiah pahala al-Quran kepada ahli kubur[5],

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أنه قَالَ: مَنْ دَخَلَ المَقَابِر وَقَرَأَ قُلْ هُوَ اللهُ أَحَد عَشَر مَرَّات وَأَهْدَى ثَوابها لِلْمَوْتَى، غَفَرَ اللهُ لِلْمَوْتَى وَأَدْخل فِى قبُورِهِمُ النُّور وَالسُّرُور، وَيَكْتُب اللهُ تَعَالَى لِلْقَارِئ بِكُلِّ مَيت مَاتَ مِنْ يَوْمٍ أَهْبَطَ الله آدَم إِلَى الأَرْضِ إِلَى يَوْمِ القِيَامَةِ عَشَر حَسَنَات.

Yang bermaksud, *Daripada Nabi SAW bersabda: Sesiapa memasuki kawasan kubur dan membaca (*قل هو الله أحد*) sepuluh kali serta menghadiahkan pahala bacaan tersebut kepada si mati, maka Allah ampunkan si mati dan memasukkan cahaya dan kegembiraan ke dalam kubur mereka. Allah akan tulis pahala si pembaca dengan sepuluh kebajikan, mengikut bilangan mayat yang mati bermula dari hari Nabi Adam dicampakkan ke bumi hinggalah ke hari kiamat.*

---

[1] (At-Takathur 001-002)

[2] Taqwa: Hakikat, Hukum-Hukum dan Kesan-Kesannya, Dr. Muhammad al-Zuhayli, terbitan Jabatan Mufti N.Sembilan, hlmn 2.

[3] Mastika Hadith Rasulullah SAW, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Jld 2 Hlmn 428.

[4] Nawadir al-Usul fi Ma'rifah Ahadith al-Rasul, al-Hakim al-Tirmizi, Sumber ke-15, bab fi Tahqiq al-Tahdid 'Ala Zuwarat al-Qubur.

[5] Bustan al-Waizin wa Riyadh al-Sami'in, Imam Abi al-Farj Abdul Rahman bin Abi al-Hasan Ali bin Muhammad bin Ali bin al-Jauzi al-Qarasyi al-Tamimi al-Bakri al-Hanbali, Dar al-Kutub al-Arabi, 2001, hlmn 293

English 16 رمضان 1438 , 11 حزيران 2017

دائرة الإفتاء العام
المملكة الأردنية الهاشمية

الصفحة الرئيسية
الفتاوى

## الفتاوى

ع+ ع-

عدد القراء: 27856 عدد مرات الطباعة: 766 عدد التقييمات : 0

اسم المفتي : سماحة المفتي العام السابق الدكتور نوح علي سلمان

الموضوع : لا حرج في زيارة المقابر يوم العيد

رقم الفتوى : 612

التاريخ : 2010-04-20

التصنيف : الجنائز

نوع الفتوى : بحثية

السؤال :

ما حكم زيارة القبور يوم العيد للرجال والنساء، هل هناك ضوابط معينة يجب مراعاتها خلال الزيارة؛ لأننا كثيرًا ما نجد بعض زوار المقابر -وخاصة النساء- يقمن بالبكاء وإطلاق الصراخ والصيحات، وما حكم توزيع النقود والحلويات في المقابر؟

## الجواب :

الحمد لله، والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله

زيارة القبور جائزة في العيد وغيره، للرجال والنساء، لقوله صلى الله عليه وسلم: (كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا) رواه مسلم، وزاد الترمذي: (فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الآخِرَةَ)، وهذا يشمل الرجال والنساء.

ولكن يجب الحذر من ارتكاب المخالفات الشرعية في المقابر، كالاختلاط بالرجال، والتبرج المحرم، وكشف العورات، ومصافحة الرجال الأجانب، فهذه وإن كانت ممنوعةً في كل مكان وزمان، إلا أن ارتكاب الحرام عند مواطن العظة أشد فحشًا وتحريمًا.

وأما البكاء وهو نزول الدموع عند غلبة الحزن فلا يؤاخذ الله به، ولكن يؤاخذ على النوح والصياح والصراخ، لقوله صلى الله عليه وسلم: (لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَطَمَ الْخُدُودَ وَشَقَّ الْجُيُوبَ وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ) متفق عليه.

ويجوز توزيع الحلوى في الأعياد وغيرها، ولكن المقابر ليست مكانًا مناسبًا لذلك؛ فزيارة القبور غرضها الموعظة والاعتبار، وليس الطعام والشراب، فإن اقتصر الأمر على التصدق بالمال على الفقراء فذلك أفضل. والله تعالى أعلم.

## فتاوى أخرى

- التكبير الجماعي في العيد جائز
- حكم زيارة النساء للمقابر
- على الزوجين معرفة حقوق كل منهما على الآخر، منعا للمشاكل
- كراهة الزواج بين العيدين لا أصل له في الشرع
- حكم ترك الزيارة في الله وصلاة الجماعة خوفا من رؤية المنكر
- هل تسقط الجمعة إذا اجتمع في يوم واحد عيد وجمعة؟
- يجوز للمرأة والمنفرد صلاة العيد في البيت والأولى جماعة المسجد
- حكم منع الزوجة من زيارة أختها
- يحرم تأخير إيصال زكاة الفطر إلى مستحقيها
- لا يُحكم بخروج المسلم من الإسلام إلا بيقين








## Dar al-Ifta' Mesir Menekankan Bahawa Menziarahi Kubur pada Hari Raya adalah Dishariatkan

## دار الإفتاء المصرية تؤكد أنّ زيارة القبور في العيد مشروعة

الأربعاء ,06 تموز / يوليو2016 ، 18:01 بتوقيت القاهرة المحلي

F

آخر الأخبار

الأحد, 11 حزيران / يونيو 2017 GMT 05:05
بوسي سكر تبتكر شكلًا جديدًا للحجاب العصري


الأحد, 11 حزيران / يونيو 2017 GMT 04:36
الحدود البرية في تشيلي جمال طبيعي ورحلات مميزة


الأحد, 11 حزيران / يونيو 2017 GMT 03:44
نانيس جنيدي تؤكد استخدام جميلات الفن في عالم الديكور



دار الإفتاء المصرية

القاهرة-محمود حساني

أوضحت دار الإفتاء المصرية، إن زيارة القبور سُنَّةٌ في أصلها، مُستحبةٌ للرجال باتفاق جميع العلماء؛ لقوله صلى الله عليه وآله وسلم: "أَلا إِنِّي قَدْ كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ ثَلاثٍ ثُمَّ بَدَا لِي فِيهِنَّ: نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، ثُمَّ بَدَا لِي أَنَّهَا تُرِقُّ الْقَلْبَ وَتُدْمِعُ الْعَيْنَ وَتُذَكِّرُ الآخِرَةَ فَزُورُوهَا ولا تَقُولُوا هُجْرا... الحديث"؛ ولقوله صلى الله عليه وآله وسلم: "زُورُوا الْقُبُورَ فَإِنَّهَا تُذَكِّرُكُمْ الآخِرَةَ".

وأضافت الإفتاء، في إجابتها عن سؤال "ما حكم زيارة المقابر في العيد؟"، أن الزيارة مشروعة لانتفاع الميت بثواب القراءة والدعاء والصدقة، وأُنْسِه بالزائر؛ لأن روح الميت لها ارتباطٌ بقبره لا تفارقه أبدًا؛ ولذلك يعرف من يزوره، قال صلى الله عليه وآله وسلم: "مَا مِنْ عَبْدٍ يَمُرُّ بِقَبْرِ رَجُلٍ كَانَ يَعْرِفُهُ فِي الدُّنْيَا فَيُسَلِّمُ عَلَيْهِ، إِلَّا عَرَفَهُ وَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلامَ"، كما رغَّب النبي صلى الله عليه وآله وسلم في زيارة القبور بالوعد بالمغفرة والثواب فقال: "مَنْ زَارَ قَبْرَ أَبَوَيْهِ أَوْ أَحَدِهِمَا فِي كُلِّ جُمُعَةٍ غُفِرَ لَهُ وَكُتِبَ بَرًّا".

وأشارت إلى أن زيارة القبور مستحبةٌ للنساء عند الأحناف، وجائزةٌ عند الجمهور، ولكن مع الكراهة في زيارة غير قبر النبي صلى الله عليه وآله وسلم؛ وذلك لِرِقَّةِ قلوبهنّ وعدمِ قُدرَتهنّ على الصبر.



الأحد, 11 حزيران / يونيو 2017 GMT 05:13

ترامب وأوباما لم يتحدثا منذ حفلة تنصيبه منذ أشهر

الأحد, 11 حزيران / يونيو 2017 GMT 04:51

فشل ماي و"المحافظين" يتصدر صفحات الصحف البريطانية

## أخبار ذات صلة



الخميس, 08 حزيران / يونيو 2017 GMT 14:59

ندوة دينية لهيئة المجتمعات العمرانية في حضور مفتي الديار المصرية



الخميس, 08 حزيران / يونيو 2017 GMT 13:26

ندوة دينية بعنوان "القيادة أمانة وعبادة" في مدينة "6 أكتوبر"



الخميس, 08 حزيران / يونيو 2017 GMT 11:32

وزير الثقافة ومحافظ الإسماعيلية يشهدان احتفالية ليالي رمضان

الخميس, 08 حزيران / يونيو 2017 GMT 09:17

إجراءات مشددة لتأمين حفل المغنية الأمريكية آريانا جراندي

وأفادت: "ليس للزيارة وقتٌ مُعَيّن، والأمر في ذلك واسع، إلا أن الله تعالى جعل الأعياد للمسلمين بهجة وفرحة؛ فلا يُستَحبُّ تجديد الأحزان في مثل هذه الأيام، فإن لم يكن في ذلك تجديدٌ للأحزان فلا بَأْسَ بزيارة الأموات في الأعياد، كما كانوا يُزارُون في حياتهم في الأعياد".

مصر اليوم    دار الإفتاء المصرية    قبر النبي    الأموات

## المزيد من الأخبار

"

"

"

"

"

بباريس



الخميس, 08 حزيران 2017 GMT 08:26 / يونيو

قصور الثقافة تكرم الروائي أحمد الشيخ وفريدة النقاش بوكالة بازرعة



الخميس, 08 حزيران 2017 GMT 08:20 / يونيو

"الثقافة" تعقد ندوتين عن فوائد الصوم وأخلاق الصائم غدًا

الخميس, 08 حزيران 2017 GMT 08:16 / يونيو

تونس توقف بث فيلم لدعوته إلى التطبيع مع الكهيان الصهيوني

الخميس, 08 حزيران 2017 GMT 08:13 / يونيو

قصور الثقافة تواصل تقديم فعاليات رمضان الثقافيه والفنيه بالمعز

## Penshariatan Menziarahi Kubur Muslimin

‘Abdullah Ibn Abi Mulaykah meriwayatkan bahawa:

أَنَّ عَائِشَةَ أَقْبَلَتْ ذَاتَ يَوْمٍ مِنَ الْمَقَابِرِ فَقُلْتُ لَهَا: يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ، مِنْ أَيْنَ أَقْبَلْتِ؟، قَالَتْ: مِنْ قَبْرِ أَخِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ، فَقُلْتُ لَهَا: أَلَيْسَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ " نَهَى عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ؟، قَالَتْ: نَعَمْ، كَانَ قَدْ نَهَى، ثُمَّ أُمِرَ بِزِيَارَتِهَا "

“Sesungguhnya [Saidatina] ‘A’ishah [﵂] telah kembali pada suatu hari dari tanah-tanah perkuburan. Maka daku berkata: Wahai Umm al-Mu’minin, daripada manakah puan datang?. Beliau berkata: Dari kubur saudara lelakiku, ‘Abdurrahman [Ibn Abu Bakr ﵁]. Maka daku berkata kepadanya: Bukankah Nabi ﷺ pernah melarang (kita) dari menziarahi kubur?. Beliau berkata: Ya, Baginda pernah melarang (kita) daripada menziarahi kubur, kemudian Baginda memerintahkan kita menziarahinya.”

T: al-Hakim (lafaz di atas)– (Sanadnya bersambung dan semua perawi adalah thiqah); al-Bayhaqi – al-Sunan al-Saghir & al-Sunan al-Kubra & Ibn ‘Abd al-Barr – al-Tamhid.

Nilai Muamalat Centre

**Rasulullah ﷺ Menganjurkan Kita Menziarahi Kubur Kerana Ia Dapat Mengingatkan Kita kepada Akhirat (Kehidupan Selepas Mati)**

(1) Buraydah al-Aslami ﵁ berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

قَدْ كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَقَدْ أُذِنَ لِمُحَمَّدٍ فِي زِيَارَةِ قَبْرِ أُمِّهِ، فَزُورُوهَا فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ

"Sesungguhnya daku pernah melarang kamu daripada menziarahi kubur. Dan telah diizinkan bagi (Nabi) Muhammad (ﷺ) untuk menziarahi kubur ibunya; maka pergilah menziarahinya (kubur), sesungguhnya ia mengingatkan (kamu) kepada Akhirat."

T: al-Tirmidhi (256H) – beliau berkata: Hadith Buraydah ini adalah baik lagi sahih.

(2) Buraydah al-Aslami ﵁ berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَزُورُوهَا ...

"Daku telah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka pergilah menziarahinya (kubur, kerana larangan ini telah dimansuhkan)…"

T: Muslim (261H).

(3) Buraydah al-Aslami ﵁ berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَزُورُوهَا، فَإِنَّ فِي زِيَارَتِهَا تَذْكِرَةً

"Daku telah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka pergilah menziarahinya (kubur). Sesungguhnya pada menziarahinya (kubur) itu terdapat peringatan (kepada Akhirat)."

T: Abu Dawud (275H).

## Imam Ahmad Ibn Hanbal (241H) Menganjurkan Hadiah Bacaan al-Quran kepada Orang Yang Telah Mati Di Perkuburan

Al-Imam Ibn Qudamah al-Hanbali (620H) menyebut di dalam kitabnya yang amat masyhur "**al-Mughni**" – salah satu kitab fiqh perbandingan yang penting dan merupakan antara kitab terpenting di dalam mazhab Hanbali - :

[فَصْلٌ الْقِرَاءَةِ عِنْدَ الْقَبْرِ] فَصْلٌ: قَالَ: وَلَا بَأْسَ بِالْقِرَاءَةِ عِنْدَ الْقَبْرِ، وَقَدْ رُوِيَ عَنْ أَحْمَدَ أَنَّهُ قَالَ: إذَا دَخَلْتُمْ الْمَقَابِرَ اقْرَءُوا آيَةَ الْكُرْسِيِّ وَثَلَاثَ مَرَّاتٍ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، ثُمَّ قُلْ: اللَّهُمَّ إنَّ فَضْلَهُ لِأَهْلِ الْمَقَابِرِ.

> "[Fasal berkenaan bacaan al-Quran di Kubur] Fasal: Telah berkata Abu al-Qasim al-Khiraqi): Dan tidak ada masalah bagi pembacaan al-Quran di sisi kubur.
>
> Dan sesungguhnya telah diriwayatkan daripada (Imam) Ahmad (Ibn Hanbal) bahawa sesungguhnya beliau berkata: **Apabila kamu masuk ke tanah perkuburan, bacalah ayat al-Kursi (sekali) dan "Surah al-Ikhlas" sebanyak tiga (3) kali, kemudian katakanlah: Ya Allah! Sesungguhnya (aku jadikan) kelebihannya (bacaan al-Qur'an ini) bagi penduduk perkuburan ini.**"
>
> R: Ibn Qudamah (620H) – al-Mughni. (Jilid:2/ms422).

Kemudian Al-Imam Ibn Qudamah al-Hanbali menukilkan riwayat tentang penarikan Imam Ahmad terhadap pendapat awalnya tentang hukum bid'ah membaca al-Qur'an di kubur setelah Muhammad Ibn Qudamah al-Jawhari menukilkan riwayat tentang wasiat 'Abdullah Ibn 'Umar ﵄ agar dibacakan awal dan akhir surah al-Baqarah di sisi kuburnya setelah dikebumikan.

## Anjuran Pembacaan al-Fatihah/ Pembuka Surah al-Baqarah dan Penutup Surah al-Baqarah Di Sisi Kubur Seorang Muslim

Di antara sebahagian nas yang dikemukakan oleh para ulama’ tentang penshariatan membaca al-Quran di kubur seseorang Muslim adalah:

(*) ‘Abdullah Ibn ‘Umar ﵄ berkata: Daku telah mendengar Nabi ﷺ bersabda:

إِذَا مَاتَ أَحَدُكُمْ فَلَا تَحْبِسُوهُ، وَأَسْرِعُوا بِهِ إِلَى قَبْرِهِ، وَلْيُقْرَأْ عِنْدَ رَأْسِهِ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ، وَعِنْدَ رِجْلَيْهِ بِخَاتِمَةِ الْبَقَرَةِ فِي قَبْرِهِ

“Apabila telah wafat salah seorang daripada kamu, maka janganlah kamu menahannya, dan bersegeralah membawanya ke kuburnya, dan hendaklah dibacakan di sisi kepalanya Pembuka al-Quran (al-Fatihah) dan di sisi kedua-dua kakinya dengan penutup surah al-Baqarah di kuburnya.”

*T: (al-Tabarani (360H) - al-Mu'jam al-Kabir) & (al-Bayhaqi (458H) - Shu'ab al-Iman).*

(*) Di dalam riwayat Abu Bakr al-Khallal (311H), lafaznya berbunyi (pembuka surah al-Baqarah):

إِذَا مَاتَ أَحَدُكُمْ فَلَا تَجْلِسُوا، وَأَسْرِعُوا بِهِ إِلَى قَبْرِهِ، وَلْيُقْرَأْ عِنْدَ رَأْسِهِ بِفَاتِحَةِ الْبَقَرَةِ، وَعِنْدَ رِجْلَيْهِ بِخَاتِمَتِهَا فِي قَبْرِهِ

Nilai Muamalat Centre Masjid Hati Ummah

“Apabila telah wafat salah seorang daripada kamu, maka janganlah kamu duduk (melambatkannya), dan bersegeralah membawanya ke kuburnya, dan hendaklah dibacakan di sisi kepalanya pembuka surah al-Baqarah dan di sisi kedua-dua kakinya dengan penutupnya (surah al-Baqarah) di kuburnya.”

*T: (Abu Bakr al-Khallal (311H) - al-Qira'ah 'ind al-Qubur) & (Abu Bakr al-Khallal (311H) 1990 - al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar).*

[1] Al-Imam al-Faqih al-Taqiyy al-‘Allamah al-Hafiz Shaykh al-Hanabilah wa ‘Alimuhum Abu Bakr al-Khallal (235H-311H) adalah seorang tokoh besar di dalam mazhab Hanbali. Al-Khatib al-Baghdadi (463H) berkata di dalam Tarikh Baghdad bahawa: “Al-Khallal telah menghimpunkan ilmu-ilmu (Imam) Ahmad, dan beliau berusaha mencarinya serta bermusafir kerananya, menulis serta mengarang kitab-kitab berkenaannya sehingga tidak seseorang pun yang lebih menghimpukan tentang hal ini lebih daripada beliau.”

# Pesanan al-Lajlāj Ibn Ḥakīm al-ʿĀmirī ؓ agar Dibacakan Di Sisi Kuburnya Awal dan Akhir Surah al-Baqarah (al-Qu'ran)

Salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang bernama al-Lajlāj Ibn Ḥakīm al-ʿĀmirī ؓ daripada Banī ʿĀmir Ibn Ṣaʿṣaʿah telah berpesan agar anaknya membaca awal dan akhir surah al-Baqarah (daripada al-Quran) di kuburnya sewaktu mengebumikannya.

Anaknya, al-ʿAlāʾ (العلاء) Ibn al-Lajlāj (اللجلاج) berkata:

قَالَ لِي أَبِي: (( يَا بُنَيَّ، إِذَا أَنَا مُتُّ فَأَلْحِدْنِي، فَإِذَا وَضَعْتَنِي فِي لَحْدِي، فَقُلْ: بِسْمِ اللهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللهِ، ثُمَّ سِنَّ عَلَيَّ الثَّرَى سِنًّا، ثُمَّ اقْرَأْ عِنْدَ رَأْسِي بِفَاتِحَةِ الْبَقَرَةِ، وَخَاتِمَتِهَا، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ ذَلِكَ ))

"Ayahku (al-Lajlāj Ibn Ḥakīm al-ʿĀmirī ؓ) telah berkata kepadaku: "Wahai anakku, apabila daku telah wafat, maka letakkanlah daku di dalam liang lahad. Maka apabila engkau meletakkan daku di dalam liang lahadku, maka ucapkanlah: Dengan Nama Allah dan di atas agama Rasulullah [ﷺ]. Kemudian, letakkanlah tanah (yang sedikit lembab/basah) ke atasku dengan lembut, kemudian bacalah di sisi kepalaku pembuka [surah] al-Baqarah dan penutupnya. Maka sesungguhnya daku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda tentang itu."

Nilai Muamalat Centre Masjid Hati Ummah

*T: (al-Tabarani (360H) - al-Mu'jam al-Kabir) No. 491. R: (al-Haythami (807H) 1994 - Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id) No. 4243 – Beliau berkata:* (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ، وَرِجَالُهُ مُوَثَّقُونَ) *: "al-Tabarani meriwayatkannnya di dalam (al-Mu'jam) al-Kabir dan para perawinya dianggap thiqah."*

[حَدَّثَنِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْعَلَاءِ بْنِ اللَّجْلَاجِ، عَنْ أَبِيهِ (الْعَلَاءِ بْنِ اللَّجْلَاجِ) ، قَالَ: قَالَ لِي أَبِي (اللَّجْلَاجُ): ...]